

Lelaki tidak mengaku salah guna dadah

MIRI:Seorang lelaki mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas tuduhan menggunakan dadah berbahaya tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Marcus Jalang, 27, dari Bukit Ambun, Mukah, telah didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara hingga dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen

2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa menggunakan dadah berbahaya jenis Amphetamine dan Methamphetamine yang terkandung dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke dalam tubuh sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 10.35 pagi, 24 Jun tahun ini di

pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah Miri.

Setelah mendengar pengakuan tidak bersalah tertuduh, mahkamah kemudian menetapkan 5 November depan untuk sebutan lanjut kes.

Manakala tertuduh diperingatkan dibebaskan dengan jaminan RN1,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Hakim Azreena Aziz manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.